

60 ahli Pas sertai UMNO

JERTEH, Ahad — Enam puluh ahli dan penyokong kuat PAS dari Kampung Bukit Payung dekat sini, mengisytiharkan mereka menyertai UMNO kawasan tersebut dalam mesyuarat agung cawangan itu semalam.

Pengisytiharan beramai-ramai itu dibuat di hadapan Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Haji Zakaria Abdul Rahman.

Mereka mendakwa keputusan mereka itu dibuat setelah "menyedari PAS hanya mempermainkan penyokongnya serta memutarbelitkan fikiran rakyat".

Kumpulan itu diketuai oleh tokoh PAS kampung tersebut, Encik Nong Ibrahim, 30 tahun.

Keputusan menyertai UMNO, jelas mereka, dibuat secara sukarela.

Berucap mengalu-alukan ahli baru UMNO itu, Datuk Haji Zakaria berkata:

Perpaduan

"UMNO sentiasa membuka pintunya kepada setiap orang Melayu asalkan mereka ikhlas dan sanggup memegang kewajipan terhadap agama bangsa dan tanah air".

Beliau menyeru ahli-ahli UMNO menerima penyertaan bekas ahli Pas itu dengan ikhlas dan sama-sama berganding bahu memperjuangkan kepentingan rakyat.

Datuk Haji Zakaria berkata, tidak lama lagi dijangka lebih ramai ahli

Pas akan menyertai UMNO cawangan itu kerana sudah ramai ahli dan penyokong parti tersebut faham dandapat menerima perjuangan UMNO.

Datuk Haji Zakaria berkata, penyertaan ahli-ahli Pas itu bukan kerana mereka dijanjikan sesuatu.

"UMNO tidak akan membuat sebarang janji kepada ahli-ahli PAS itu kerana UMNO, sebaliknya akan berusaha sekadar yang mampu bagi melaksanakan projek-projek kemudahan yang ada untuk kepentingan rakyat."